

Dasar Wanita Negara: Daripada Polisi kepada Pelaksanaan

(The National Policy on Women: From Policy to Implementation)

NOOR AZIZAH AHMAD & MARINY ABDUL GHANI
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
E-mel: noor1149@uum.edu.my

Abstrak

Dasar Wanita Negara dibentuk untuk menyelaraskan program dan aktiviti berkaitan dengan usaha mengintegrasikan wanita dalam pembangunan negara. Perlaksanaan polisi ini menghendaki penglibatan menyeluruh dari semua pemegang taruh untuk melaksanakan tugas dengan efektif. Tindakan ini mustahak untuk memastikan objektif-objektif bagi mengintegrasikan wanita dalam semua sektor pembangunan negara, mempromosikan kesaksamaan gender dan mengupayakan wanita Malaysia boleh dicapai. Untuk tujuan itu, pelbagai kaedah telah dan sedang dilaksanakan selaras dengan strategi dan pendekatan yang telah ditetapkan dalam Dasar Wanita Negara (1989 dan 2009) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (1997 dan 2009). Kertas konsep ini bertujuan membincangkan program dan aktiviti pemeraksanaan wanita dari sudut usaha meningkatkan kepekaan tentang hak-hak wanita dan usaha meningkatkan pengetahuan dan keupayaan dalam kegiatan ekonomi melalui latihan dan program pembiayaan kewangan. Tindakan ini dilaksanakan oleh pemegang taruh seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Kata kunci: *Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, pemeraksanaan wanita, Malaysia.*

Abstract

The National Policy on Women is formulated to synchronize programmes and activities pertaining to the intergration of women in national developments. Implementation of such policy requires wholistic involvement from all stakeholders in order to perform to their respective roles efficiently. The deeds

are essential to ensure the objectives for women's intergration in all sectors of national development as well as for promoting gender equality and women's empowerment in Malaysia are achievable. Accordingly, a number of measures had been taken as well as on-going executions in conjunction with the strategies and approaches stated in The National Policy on Women (1989 and 2009) and also The Plan of Action for the Advancement of Women (1997 and 2009). This concept paper aims to discuss the women's empowerment programmes and activities in particular to enhance awareness on the women's rights as well as upgrading their knowledge and capabilities in economic activities through training along with financial supports programmes. Stakeholders such as the Ministry of Women, Family and Community Development, Department of Women's Development, Department of Social Welfare, and non-governmental organizations play major roles in implementing these programmes.

Keywords: *The National Policy on Women, Plan of Action for the Advancement of Women, women's empowerment, Malaysia.*

Pengenalan

Artikel ini membincangkan tentang usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak merangkumi agensi-agensi kerajaan, sektor persendirian dan badan bukan kerajaan dalam melaksanakan perancangan yang terdapat dalam Dasar Wanita Negara (1989 dan 2009) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (1997 dan 2009). Tumpuan perbincangan adalah kepada program-program yang bertujuan memperkasa wanita di negara ini bagi meningkatkan penglibatan dan daya saing wanita dalam aktiviti pembangunan Negara. Dasar ini dibentuk atas kesedaran mengenai keperluan melibatkan golongan wanita yang merupakan sebahagian daripada modal insan negara dalam aktiviti pembangunan. Perbincangan artikel ini dimulakan dengan meneliti peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Dasar Wanita Negara tahun 1989 dan 2009 serta agenda Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Seterusnya, perbincangan menjurus kepada beberapa program yang telah dan sedang dilaksanakan bagi mencapai matlamat utama dasar dan pelan tindakan iaitu ke arah pemerdayaan wanita Malaysia.

Abdul Jalil dan Munira (2013) menyatakan pelaksanaan Dasar Wanita Negara yang dimulakan pada Rancangan Malaysia Ke-enam telah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu-isu wanita. Rancangan-rancangan Malaysia seterusnya turut menumpukan kepada isu wanita dan menyediakan rangsangan persekitaran untuk menggalakkan penglibatan wanita dengan lebih efektif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Pembentukan polisi sebegini dan program-program yang dilaksanakan secara langsung menunjukkan komitmen negara untuk membangunkan kaum wanita.

Perlaksanaan Dasar Wanita Negara telah memfokuskan kepada empat elemen utama merangkumi penglibatan wanita dalam pembuatan keputusan, mengawal dan memastikan hak dari segi kesihatan, pendidikan dan kesejahteraan sosial, menghapuskan halangan perundangan dan amalan diskriminasi, dan memastikan akses kepada manfaat pembangunan terutama dalam sains dan teknologi.

Lynda (tidak bertarikh) berpandangan Malaysia mempunyai banyak undang-undang, polisi dan lain-lain mekanisme yang dibentuk bertujuan menyokong penglibatan wanita dalam pelbagai sektor jika dibandingkan dengan lain-lain negara di rantau Asia. Ini tidak termasuk undang-undang berkait dengan kesaksamaan gender kerana elemen ini dinyatakan dalam Perlembagaan negara dan Akta Kerja. Beliau berpandangan polisi berkait dengan aspek gender yang ada sekarang dikaitkan dengan kepentingan parti-parti politik termasuk parti yang memerintah dan parti pembangkang. Ini bertujuan untuk memastikan wujudnya bukti yang boleh mempengaruhi sokongan para pengundi kepada parti mereka. Lynda turut berpandangan intervensi yang memfokuskan kepada penyaluran bantuan kewangan akan secara langsung mengalakkan kebergantungan yang berterusan berbanding dengan bantuan berbentuk latihan kemahiran yang berupaya mengukuh jatidiri wanita.

Ramai penulis berpandangan penggubalan Dasar Wanita Negara mencerminkan komitmen negara untuk mengoptimumkan penglibatan dan mengintegrasikan wanita dalam aktiviti pembangunan (Doris dan Kaw, 2011; Hew, 2009; Lynda, tidak bertarikh). Mereka juga menyatakan fenomena tenaga buruh bersifat tradisional seperti menguruskan kerja-kerja rumah dan membantu keluarga menjana sumber pendapatan kini telah berubah selaras dengan pembangunan Negara. Ramai wanita telah keluar dari situasi tersebut dengan mendapatkan pekerjaan yang memberikan pendapatan. Namun, sebahagian besar jenis pekerjaan yang disertai wanita sering menyumbang pulangan pendapatan yang lebih rendah jika dibandingkan dengan pekerja lelaki. Ramai juga dari kalangan wanita yang berhenti kerja disebabkan menghadapi kesukaran menyeimbangkan kerja dan aktiviti rumahtangga (Noor Rahamah, 2012). Oleh itu, di samping mewujudkan polisi dan program yang boleh membantu mengekalkan dan mempertingkatkan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan, ramai pengkaji mencadangkan supaya dipertingkatkan bidang pekerjaan yang mempunyai ciri-ciri fleksibiliti (Doris & Kaw, 2011; Geetha & Doris, 2010; Hew 2009; Reilly, 1998). Tindakan ini secara langsung berpotensi mengekal dan meningkatkan penglibatan wanita dalam guna tenaga kerja dan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Rohayu, Noor Sharipah, Yusmarwati, Maziana dan Abdul Rasid (2011) telah membincangkan usaha membangunkan keupayaan ibu tunggal di Malaysia sebagai satu usaha untuk mengurang dan membasmi kemiskinan.

Mereka berpandangan ramai ibu tunggal terlibat dalam perniagaan disebabkan oleh tekanan hidup dan usaha untuk memperbaiki kualiti hidup. Kajian oleh Amran (2004) ke atas 196 orang peniaga wanita di Pasar Besar di Tanah Merah, Kelantan telah dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mengalakkan penglibatan wanita dalam perniagaan. Kajian mendapati niat dan keinginan untuk mengubah status keluarga dan mahu keluar dari kemiskinan merupakan faktor utama penglibatan mereka. Kedua-dua kajian ini mendapati peniaga-peniaga yang dikaji kurang mempunyai pendidikan dan mengikuti latihan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Hasrat untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan wanita terutama ibu tunggal ini turut ditekankan dalam Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita.

Dasar Wanita Negara

Polisi khusus yang diperkenalkan untuk menyelaraskan program dan aktiviti wanita ialah Dasar Wanita Negara 1989 dan Dasar Wanita Negara 2009. Dasar Wanita Negara 1989 diperkenalkan bertujuan menggalakkan penglibatan wanita dalam pelbagai sektor merangkumi perkembangan ekonomi, politik dan sosial. Pembentukan dasar tersebut sebahagian besarnya dipengaruhi oleh komitmen negara terhadap resolusi-resolusi di peringkat antarabangsa seperti Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Dekad untuk Wanita (1976-1985), Deklarasi Sekretariat Komanwel tentang Wanita dan Pembangunan (1985), dan Resolusi Persidangan Menteri-Menteri yang bertanggungjawab kepada Wanita di Zimbabwe (1987). Resolusi-resolusi ini antara lain mendesak kerajaan negara-negara yang terlibat untuk memformulasikan polisi berkait dengan isu-isu wanita dan usaha mengintegrasikan penglibatan golongan wanita dalam pembangunan negara. Selaras dengan desakan tersebut, agensi-agensi kerajaan pada ketika itu seperti Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA), *National Council of Women's Organizations* (NCWO) dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) telah mengambil inisiatif menganjurkan bengkel-bengkel dan sesi-sesi perundingan bagi mendapatkan sokongan dan konsensus bagi melaksanakan komitmen tersebut. Pada bulan Januari 1986, pihak kerajaan telah bersetuju untuk menggunapakai kertas kerja yang disediakan oleh *National Advisory Council for the Integration of Women in Development* (NACIWID) sebagai asas ke arah merealisasikan pelan tindakan untuk golongan wanita dalam isu pembangunan negara.

Malaysia telah memformulasi dan meluluskan Dasar Wanita Negara berasaskan kepada prinsip dan strategi yang ditetapkan dalam *Nairobi Forward Looking Strategy*, 1985. Dasar ini telah digazetkan pada Disember 1989 atas kesedaran bahawa perlu diwujudkan pelan dan mekanisme tertentu kerana didapati wanita tidak mampu bersaing dengan golongan lelaki disebabkan oleh pelbagai halangan yang menjejaskan penglibatan yang menyeluruh dalam arus pembangunan. Antara halangan tersebut ialah ketiadaan mekanisme sokongan

yang boleh membantu meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi formal.

Sebelum Dasar Wanita Negara dibentuk, kerajaan telah memperuntukan sumber kewangan untuk menjalankan aktiviti yang melibatkan wanita melalui Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) dan Rancangan Malaysia Ke-empat (1981-1985). Walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan itu telah digunakan dalam aktiviti-aktiviti yang berunsurkan pengekalan peranan wanita dan kefungsiannya sebagai isteri, ibu dan membantu suami dalam menjana pendapatan sampingan (*supplementary income earners*). Sehubungan dengan itu, peruntukan kewangan tersebut disalurkan kepada agensi-agensi seperti Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Situasi ini secara langsung telah menyebabkan usaha kurang dilakukan untuk meningkatkan pengupayaan potensi wanita seperti yang disasarkan.

Perlaksanaan Dasar Wanita Negara pada tahun 1989 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014) adalah bermatlamatkan untuk:

- menjamin perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan;
- mengintegrasikan wanita ke dalam semua sektor pembangunan selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf serta memastikan negara berada dalam keadaan aman dan makmur.

Dasar Wanita Negara 1989 memperlihatkan kerajaan Malaysia lebih menumpukan kepada usaha mewujudkan jentera pentadbiran untuk menyelaraskan aktiviti wanita dalam pembangunan negara. Perkara ini boleh dikesan melalui penubuhan jentera pentadbiran iaitu bermula dengan Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) pada tahun 1982 yang kemudian telah dinaik taraf kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pada tahun 2001. Kementerian Hal Ehwal Wanita telah ditubuhkan pada tahun 2001 tetapi kemudiannya telah ditukarkan nama kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sesuai dengan perluasan fungsi dan peranan kementerian. Pembentukan jentera pentadbiran ini penting kerana ia berperanan melaksanakan fungsi menyuarakan isu-isu berkaitan wanita bagi membantu kerajaan mengintegrasikan permasalahan tersebut melalui pembentukan dasar dan program negara. Selain itu, dasar ini juga menekankan kepada perkongsian bersama antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat serta aspek kehidupan yang lain. Tujuan utama aspek ini ditekankan ialah untuk

mewujudkan institusi kekeluargaan yang lebih mantap dan pembangunan komuniti serta masyarakat yang lebih seimbang.

Dasar Wanita Negara 1989 kemudian telah disemak semula untuk dibuat pengubahsuaian seiring dengan perubahan persekitaran dan keperluan semasa. Pada bulan Ogos 2009, Dasar Wanita Negara Kedua atau lebih dikenali sebagai Dasar Wanita Negara 2009 telah dilancarkan sempena sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan. Usaha memperkukuhkan lagi jentera pentadbiran yang dikemukakan dalam dasar terdahulu diteruskan dalam Dasar Wanita Negara 2009. Walau bagaimanapun, tumpuan lebih diberikan kepada usaha meningkatkan kerjasama antara sektor awam, sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan bertujuan meningkatkan pelaksanaan aktiviti latihan bagi menambahkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan wanita di negara ini.

Antara objektif utama yang diketengahkan ialah kesaksamaan gender, pembasmian kemiskinan, dan mengintegrasikan golongan wanita dalam semua aspek pembangunan Malaysia. Jika dibandingkan dengan dasar terdahulu, Dasar Wanita Negara 2009 lebih mempromosikan pemberdayaan wanita dalam usaha meningkatkan potensi diri mereka yang optimum ke arah mewujudkan kesaksamaan gender. Ini berbeza dengan Dasar Wanita Negara 1989 yang lebih memfokuskan kepada pelaksanaan program ke arah meningkatkan keberkesanan fungsi wanita sebagai isteri dan ibu bagi kesejahteraan rumahtangga dan keluarga. Selaras dengan itu, usaha-usaha telah dilakukan untuk mengarusperdanakan gender dalam semua aspek merangkumi pembuatan polisi dan juga pelaksanaan program dan projek kerajaan. Walaupun kedua-dua polisi utama ini menekankan kepada aspek kesaksamaan gender, namun Dasar Wanita Negara 2009 dilihat memberi lebih fokus terhadap strategi penerapan elemen-elemen kesaksamaan gender pada semua peringkat masyarakat.

Dasar Wanita Negara 2009 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014) juga telah memperincikan lagi matlamat dasar yang terdahulu dengan memberi perhatian kepada usaha mengupayakan wanita dan usaha mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah meningkatkan penglibatan wanita dalam semua aspek kehidupan. Antara matlamat Dasar Wanita Negara 2009 yang boleh dikaitkan secara langsung dengan usaha memperkasa wanita dan pembangunan modal insan ialah:

- Membangunkan potensi dan mendayaupayakan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dan dalam semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat serta penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara;

- Mencapai perkongsian saksama antara wanita dan lelaki dalam memperoleh dan mengawal sumber dan peluang penyertaan serta menikmati manfaat pembangunan;
- Meningkatkan dan mengukuhkan perkongsian adil dan saksama antara wanita dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan bagi memantapkan institusi keluarga serta membangunkan komuniti dan masyarakat.

Kedua-dua dasar ini turut dilengkapi dengan perincian strategi yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Pelan ini dibentuk bertujuan memberi garis panduan kepada agen-agen pelaksana seperti organisasi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta mengenai aspek-aspek pengupayaan yang perlu diberi perhatian.

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita adalah perancangan dalam bentuk tindakan yang dijelaskan secara terperinci melalui strategi yang ingin dicapai dalam 13 bidang. Antara bidang yang dikenalpasti dalam pelan ini ialah ekonomi, kemiskinan, undang-undang, keganasan terhadap wanita, kesihatan, pendidikan dan latihan, sains dan teknologi dan wanita dalam pembuatan keputusan, mekanisme dan institusi pembangunan wanita, media, alam sekitar, sukan dan kebudayaan, kesenian dan warisan.

Salah satu aspek yang diutamakan dalam pelan tersebut ialah wanita dan ekonomi memandangkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh adalah lebih rendah berbanding dengan lelaki. Sebagai contoh, terdapat sejumlah 10.9 juta tenaga buruh di Malaysia pada tahun 2007, dan daripada jumlah tersebut, 6.9 juta (63.0%) adalah dalam kalangan lelaki manakala hanya 3.9 juta (36.1%) adalah golongan wanita (Jabatan Pembangunan Wanita, 2009). Statistik ini menunjukkan terdapat ketidakselarasan antara jumlah wanita yang berjaya melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi dengan jumlah mereka yang terlibat dalam guna tenaga buruh. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Jabatan Perangkaan pada tahun 2003 mendapati wanita menyumbang kepada 75.6 peratus untuk kerja-kerja yang tidak memberi pulangan dari segi upah atau gaji yang tetap. Statistik ini membawa kepada nilai anggaran yang berjumlah RM75.6 juta dan ianya tidak dipakai untuk pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengurangkan jurang antara golongan lelaki dan wanita dalam isu pasaran kerja. Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dalam aspek wanita dan ekonomi contohnya, telah menggariskan beberapa objektif dan rancangan dalam usaha meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan peluang bagi wanita menceburkan diri dalam bidang ekonomi yang mampu memberikan pulangan lebih baik kepada mereka.

Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010) dan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2011-2015) juga telah menggariskan tindakan bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif dan menyokong usaha merealisasikan peningkatan penglibatan wanita dalam aktiviti pembangunan. Usaha ini sedikit sebanyak telah menampakkan kejayaan apabila berlaku peningkatan jumlah wanita sebagai pembuat keputusan dalam sektor awam iaitu daripada 6.9 peratus pada tahun 1995 kepada 30.5 peratus pada tahun 2010 (Jabatan Pembangunan Wanita, 2012). Jumlah pembuat keputusan di sektor awam meningkat kepada 33 peratus sehingga bulan Jun tahun ini berbanding dengan hanya mencecah 15 peratus dalam tempoh yang sama di sektor korporat dan swasta (BH Online, 24 Ogos 2015) .

Program-program Pemeraksanaan Wanita

Perbincangan mengenai program atau aktiviti ke arah pemeraksanaan wanita di negara ini dibincangkan dengan merujuk kepada dua aspek penting iaitu (i) program ke arah penyebaran maklumat dan meningkatkan pengetahuan dan kepekaan wanita berhubung hak-hak mereka; dan (ii) program peningkatan kemahiran melalui latihan dan bengkel yang dianjurkan oleh pelbagai pihak sama ada daripada sektor awam mahu pun sektor swasta.

i. Program-program penyebaran maklumat dan peningkatan kesedaran

Jabatan Pembangunan Wanita melalui agensi-agensi di bawah pengurusannya seperti Pejabat Pembangunan Wanita Negeri dan juga *State Council of Women and Family Development* yang diwujudkan di setiap negeri dan wilayah persekutuan telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan pengupayaan potensi wanita. Salah satu program yang diberi nama 'Nur Bestari' telah dilaksanakan di semua kawasan Parlimen seluruh negara. Program Nur Bestari boleh dirujuk sebagai mekanisme yang bertanggungjawab melaksanakan sebahagian besar aktiviti dan program yang memfokuskan kepada wanita bermatlamat untuk meningkatkan kepekaan gender dan keupayaan menghayati isu-isu wanita dan pembangunan, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai prosedur-prosedur dan hak-hak berasaskan peruntukan undang-undang, dan peningkatan kepimpinan dan kemahiran (Jabatan Pembangunan Wanita, 2009).

Selaras dengan matlamat-matlamat tersebut, program-program yang dilaksanakan adalah merangkumi isu-isu yang berkait dengan wanita seperti kerjaya, pengurusan tekanan, pengurusan keluarga, kesihatan, keganasan rumahtangga, kesedaran undang-undang, kesaksamaan gender dan perancangan kewangan. Aktiviti-aktiviti seperti seminar, bengkel atau

sesi perbincangan dijalankan secara berkala dan dilaksanakan bergantung kepada permintaan atau isu semasa serta terbuka kepada semua individu yang berminat. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan contohnya, telah menganjurkan Seminar Wanita Anti Jenayah (WAJA) dan Akta Keganasan Rumahtangga pada bulan Julai 2013. Program ini menumpukan kepada usaha membentuk kesedaran dan kepekaan kepada komuniti tentang hak-hak wanita dan langkah-langkah bagi menjaga kebajikan wanita. Program yang sama turut dianjurkan di seluruh negara pada bulan Mei dan Jun 2013 dengan tujuan mendedahkan komuniti, terutama kaum wanita terhadap pengetahuan membasmi keganasan terhadap wanita. Program-program ini masih lagi diteruskan selaras dengan perancangan yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita.

Program-program sebegini penting kerana statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun 2013 menunjukkan bahawa sebahagian besar mangsa yang terlibat dalam masalah keganasan adalah terdiri daripada golongan wanita. Pada tahun 2012, jumlah laporan kes ialah 3488 berbanding dengan hanya 3173 kes pada tahun 2010 dan 3277 kes pada tahun 2011 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013). Statistik terkini kes keganasan rumahtangga berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia menunjukkan terdapat 1,644 kes dari Januari hingga April tahun ini; dan 1,236 melibatkan wanita (The Star, 16 Jun 2015). Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa angka yang dicatatkan tersebut adalah merujuk kepada bilangan kes yang dilaporkan kepada pihak berkuasa sahaja dan statistik ini tidak menggambarkan prevalens keganasan rumahtangga yang sebenar berlaku di negara ini. Berpadanan dengan kadar kes yang dilaporkan, statistik lain yang dikeluarkan oleh *Women's Aid Organisation* (WAO) pula menunjukkan bahawa 40 peratus wanita Malaysia terdedah dengan masalah keganasan namun hanya 10 peratus daripada kes-kes sebegini yang dilaporkan (Pragalatah, 2012). Melalui kaedah penyebaran maklumat berkaitan isu-isu yang relevan kepada wanita, pihak kementerian dan agensi-agensinya telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran ahli masyarakat terutama wanita bagi menjamin kesejahteraan kehidupan mereka.

Selain dari program secara bersemuka, seiring dengan perkembangan dalam proses komunikasi pihak kementerian turut menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* untuk menyebarkan maklumat dan sumber bantuan berkaitan isu keganasan rumahtangga. Jabatan Pembangunan Wanita turut memuat naik program-program pemeraksanaan wanita yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Wanita di negeri-negeri ke *youtube*. Kaedah-kaedah ini secara langsung boleh menyebarkan informasi kepada golongan sasaran yang lebih luas terutama golongan muda. Kementerian turut mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan talian-talian telefon khas

bagi memudahkan ahli masyarakat melaporkan kes-kes keganasan. Contohnya, Talian Nur 15999 yang diperkenalkan sejak tahun 2007 untuk kes keganasan rumahtangga dan pada tahun 2010 dilaksanakan *Childline* 15999 iaitu talian khas untuk kanak-kanak memandangkan terdapat peningkatan kes keganasan dan pengabaian serta masalah lain berkait kanak-kanak. Pihak kerajaan juga mengambil langkah mewujudkan talian khas bagi orang awam melaporkan atau memaklumkan kes-kes keganasan rumahtangga yang dikenali sebagai *Malaysia Control Centre* di bawah kendalian Polis Diraja Malaysia.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) seperti *Women's Aid Organization* (WAO) dan *Women's Centre for Change* (WCC) juga turut terlibat dalam membantu Kementerian dalam menangani isu-isu ini. Mereka telah bekerjasama dengan pihak sekolah bagi menganjurkan program-program bertujuan mewujudkan kesedaran bermula di peringkat usia yang muda. Contohnya, WAO telah menganjurkan program yang dikenali sebagai *RESPECT* bertujuan membina hubungan sihat antara pelajar lelaki dan perempuan dan juga dalam kalangan anggota keluarga. Peningkatan kes-kes sumbang mahram telah menarik perhatian WCC untuk menganjurkan program dikenali sebagai *Bijak itu Selamat* setiap tahun pada bulan September hingga November di sekolah-sekolah di Pulau Pinang (*Women's Centre for Change* Penang, 2015). Program ini bertujuan menjelaskan kepada para pelajar tentang cara membezakan antara sentuhan yang baik atau sesuai dan sentuhan yang tidak baik atau tidak sesuai walaupun dalam kalangan anggota keluarga. Organisasi ini juga telah mengambil inisiatif mengeluarkan serta menyebarkan risalah dan maklumat tempat-tempat bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan sekiranya diperlukan oleh pelajar. Program-program ini masih diteruskan sehingga ke hari ini.

ii. Penyediaan latihan kemahiran dan pembiayaan

Tumpuan usaha pemerkasaan juga memfokus terhadap penyediaan latihan kemahiran dan bantuan-bantuan lain seperti modal serta peralatan bagi meningkatkan pengupayaan wanita dalam aktiviti menjana pendapatan. Strategi ini secara langsung mampu meningkatkan pengupayaan wanita dan menggalakkan penglibatan mereka dalam pembangunan negara. Jabatan Pembangunan Wanita dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan misalnya Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia (MIPTM), Yayasan Pembangunan Keluarga, Yayasan Tekun Nasional, dan Badan Amal Isteri-isteri Wakil Rakyat telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan pelbagai aktiviti bertujuan menyalurkan kemahiran bagi membolehkan wanita menjana pendapatan dan terlibat dengan lebih berkesan dalam kegiatan ekonomi.

Tindakan ini diambil atas kesedaran bahawa golongan wanita sering dikaitkan dengan masalah kemiskinan terutama dalam kalangan ibu tunggal yang sebelumnya bergantung hidup kepada pihak suami semata-

mata. Walaupun terdapat bantuan-bantuan kewangan secara bulanan yang diberikan oleh pelbagai pihak contohnya Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Bantuan Am dan Bantuan Kanak-Kanak; dan juga dari Pejabat Zakat bertujuan membantu meringankan beban hidup setiap tetapi kaedah ini tidak berupaya mengeluarkan mereka daripada masalah kemiskinan dan seterusnya tidak mampu untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Maka, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah menggariskan program-program yang berbentuk pendidikan dan latihan seperti Program Jejari Bestari, Program Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT), Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-Keunita), Program *Small Office Home Office*, dan Program Pembangunan Kapasiti Wanita Orang Asli bagi membantu ke arah penjanaaan ekonomi sendiri yang lebih baik.

Program I-KIT contohnya telah diperkenalkan mulai Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010) bertujuan untuk memperlengkapkan ibu tunggal dengan pengetahuan dan kemahiran yang boleh digunakan untuk menjalankan projek keusahawanan dan perkhidmatan bagi menjana pendapatan. Program ini terbuka kepada wanita berusia antara 18-45 tahun dan berpendapatan di bawah RM1,500 layak mengikuti program ini (Unit Perancang Ekonomi, 2006). Pejabat Pembangunan Wanita Negeri bertanggungjawab melaksanakan program ini dengan kerjasama organisasi lain seperti Kolej Komuniti dan ahli-ahli perniagaan yang berjaya.

Program I-KIT dilaksanakan berdasarkan dua fasa. Fasa pertama melibatkan usaha memberi latihan dan kemahiran dalam bidang-bidang seperti jahitan, kraftangan, pelancongan, terapi kecantikan, penternakan, dan keusahawanan. Wanita yang mengikuti latihan ini akan dianugerahkan sijil yang diiktiraf setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia. Fasa kedua pula merujuk kepada bimbingan keusahawanan kepada mereka yang telah berjaya menamatkan fasa pertama. Aktiviti dalam fasa ini melibatkan kerjasama agensi-agensi yang menyalurkan bantuan atau pinjaman kewangan seperti Institut Keusahawanan Negara, Yayasan Tekun Nasional, Tabung Perolehan Teknologi untuk Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui geran pelancaran. Peserta-peserta yang memperolehi sijil dari program ini layak untuk mendapat pembiayaan atau peruntukan kewangan daripada agensi-agensi seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat, *The Small and Medium Enterprise Corporation* (SMECorp.) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). AIM contohnya telah diperkenalkan pada tahun 1987 untuk menyediakan bantuan kewangan dan latihan kepada golongan miskin untuk mengalakkan mereka mengusahakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan. Selain itu, bank-bank turut menyediakan pinjaman bagi membantu kaum wanita menjalankan aktiviti keusahawanan dan perniagaan seperti Skim Mikro Kredit Bank Simpanan Nasional dan Skim Mikro Kredit serta Skim Bantuan Khas Usahawan Wanita oleh Bank Pertanian Malaysia.

Aktiviti-aktiviti kemahiran lain yang dirangka bagi membantu golongan wanita adalah meliputi Program Jejari Bestari dan Program Inspirasi Kreatif yang dijalankan mengikut kawasan Parlimen masing-masing. Kedua-dua jenis program ini cuba mencungkil potensi wanita terutamanya di kawasan luar bandar untuk menceburkan diri dalam bidang ekonomi secara komersial. Ianya memberikan penekanan kepada aspek kreatif wanita dalam pembuatan aksesori dan seni sulaman. Program *Small Office-Home Office* pula memberikan latihan intensif selama tiga bulan kepada para peserta bagi membolehkan mereka bekerja secara bersendirian di rumah tanpa perlu menjejaskan urusan rutin keluarga; manakala Program *Home Managers* bertujuan memberi pendedahan serta pengetahuan tentang cara-cara menguruskan rumahtangga dengan baik dan professional (Jabatan Pembangunan Wanita, 2009).

Pihak lain yang terlibat dalam memperkasa wanita melalui penyaluran kemahiran ialah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia (MIPTM) dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT). MIPTM adalah merupakan gabungan 17 buah persatuan ibu tunggal yang memainkan peranan dalam memberi khidmat nasihat kepada ahli-ahli berkenaan permohonan bantuan, pinjaman, geran dan perundingan bagi membolehkan ibu tunggal memulakan perniagaan (Rohayu et al., 2010). Sementara YPKDT pula menganjurkan program seperti Projek Menjana Pendapatan Golongan Berpendapatan Rendah yang melibatkan kerjasama pihak-pihak seperti Badan Amal Isteri Wakil-Wakil Rakyat dan *Johor Corporation*. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2003 dan dibuka untuk golongan yang berpendapatan di bawah RM700 sebulan dan mendaftar dalam Sistem e-Kasih dan YPKDT. Peserta-peserta yang telah berjaya menamatkan latihan akan diberi peluang untuk mendapat bantuan seterusnya dalam bentuk peralatan (Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, 2012).

Secara perbandingan, banyak negara membangun lain turut melaksanakan program berbentuk pemberian latihan dan perlaksanaan skim mikro kredit. Ramai pengkaji berpandangan penyediaan latihan dan perlaksanaan skim mikro kredit merupakan instrumen paling berkesan dalam meningkatkan keupayaan wanita terutama dalam membasmi kemiskinan (Das & Pula, 2014; Olivares & Santos, 2009; Rahman, 2000). Skim mikro kredit diperkenalkan bertujuan untuk membantu golongan miskin mendapatkan pinjaman kewangan dalam jumlah yang terhad tanpa cagaran. Ia mula diperkenalkan di Bangladesh oleh Grameen Bank pada pertengahan tahun 1970an, dan kemudian diikuti oleh pihak NGOs yang memfokuskan kepada wanita kawasan luar bandar dan setinggan di bandar-bandar negara tersebut (Ahmad, 2007; Reza, 2003). Pendekatan ini kemudiannya diikuti oleh negara-negara membangun lain termasuk Malaysia, Indonesia, dan India.

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Program

Usaha murni yang dilaksanakan kepada golongan wanita melalui pelbagai program dan aktiviti ini perlu dikaji keberkesanannya untuk penambahbaikan program pada masa akan datang. Satu kajian keberkesanan pelaksanaan program terhadap ibu tunggal telah dilakukan oleh Zanalisa (2012) dengan memfokuskan kepada program latihan kemahiran I-KIT yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Johor. Seramai 49 orang ibu tunggal yang terlibat dalam latihan ini dipilih sebagai responden kajian. Hasil kajian menunjukkan responden telah memberikan reaksi positif terhadap empat perkara yang dikaji iaitu (i) kepuasan peserta terhadap latihan kemahiran, (ii) perolehan pengetahuan dan peningkatan kemahiran, (iii) perubahan tingkah laku; dan (iv) perubahan daripada segi penajaan pendapatan.

Selain itu, kajian oleh Thuaibah @ Suaibah, Azlah, Hishamuddin, Rozeyta, Shaharizatul Noorizwan dan Rossilah (2004) berkaitan aktiviti keusahawanan ibu tunggal di Negeri Johor pula mendapati bahawa penglibatan golongan tersebut dalam aktiviti perniagaan adalah tinggi. Walau bagaimanapun, aktiviti ini hanya terbatas kepada perniagaan secara kecil-kecilan iaitu sekadar untuk mendapatkan sumber kewangan sampingan bagi menyara kehidupan mereka. Boleh dikatakan bahawa keputusan kajian mereka tidak dapat menentukan sejauh mana program-program yang dilaksanakan sebelum ini boleh dianggap sebagai berjaya atau pun tidak dalam meningkatkan kemahiran dan pengupayaan ibu tunggal di negara ini.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, program-program yang dijalankan dalam usaha memperkasakan wanita Malaysia pada ketika ini masih belum dapat dipastikan keberkesanannya. Apa yang sering menjadi fokus kajian ialah tentang usaha menjelaskan bentuk dan program yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan NGOs. Kajian yang dilaksanakan oleh Diyana, Doris Padmini dan Nor Aini (2009) mengemukakan pandangan bahawa aspek penilaian program yang dilaksanakan masih lagi kurang menjadi fokus dalam kajian-kajian yang dilakukan negara ini. Mereka juga berpandangan situasi ini amat merugikan negara memandangkan keberkesanan dan keupayaan sesuatu program yang telah dilaksanakan untuk membantu meningkatkan pengupayaan wanita terutama ibu tunggal tidak dapat dipastikan secara tepat. Ini bermakna, kerajaan telah membelanjakan peruntukan kewangan yang besar tanpa mengambil kira dari sudut keberkesanan program-program yang dijalankan. Situasi ini seterusnya akan membawa kepada pembaziran wang negara sekiranya aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan secara berterusan dan mengambil tempoh masa yang panjang.

Ini berbeza dengan negara-negara lain yang sering melakukan kajian untuk menilai keberkesanan program untuk memperkasa wanita yang telah dilaksanakan. Pitt, Khandker dan Cartwright (2006) contohnya, telah melaksanakan kajian kualitatif di Bangladesh untuk menilai aspek autonomi dalam kalangan wanita berkait dengan program mikro-kredit berkelompok yang diikuti mereka. Dapatan kajian mereka adalah selaras dengan pandangan umum bahawa penglibatan wanita dalam program mikro kredit membantu meningkatkan pengupayaan wanita. Penglibatan dalam program kredit menyumbang kepada wanita lebih berupaya memainkan peranan penting dalam pembuatan keputusan dalam rumahtangga, mempunyai akses yang lebih luas dari sudut sumber-sumber kewangan dan ekonomi, mempunyai jalinan atau rangkaian hubungan sosial yang lebih luas, dan keupayaan mobiliti yang lebih luas. Dapatan kajian ini menunjukkan manfaat program ini telah berjaya meningkatkan pengupayaan wanita bukan sahaja dari sudut ekonomi malahan dari sudut sosial.

Amin, Becker and Bayers (1998) turut menjalankan kajian di Bangladesh tentang usaha pengupayaan wanita dengan membandingkan wanita yang mendapat pinjaman mikro kredit dari pihak NGOs dengan mereka yang tidak mendapat pinjaman. Kajian mendapati wanita yang mendapat pinjaman mikro kredit dari NGOs lebih baik kedudukan mereka berbanding dengan wanita yang tidak menganggotai program ini. Secara khusus, dapatan kajian menunjukkan: (i) program mikro kredit cenderung untuk mengurangkan kebergantungan ekonomi isteri kepada suaminya dan membantu meningkatkan autonomi mereka, (ii) program turut menjadikan wanita lebih asertif kepada hak-hak mereka memandangkan mereka didedahkan dengan idea-idea baru, nilai dan sokongan sosial, dan (iii) program ini telah memberikan peluang kepada wanita untuk mengawal sumber-sumber yang ada dan keadaan ini menyumbang kepada peningkatan prestij dan status di mata suami dan ahli masyarakat.

Nwanesi (2006) pula menjalankan kajian tentang pemerdayaan wanita luar bandar berkait dengan skim mikro kredit di selatan Nigeria. Kajian ini meneliti manfaat dan limitasi mikro kredit sebagai satu sumber kaedah untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi dan menghapuskan kemiskinan dalam kalangan wanita luar bandar. Program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 1985 sehingga sekarang. Kajian ini mengaplikasikan rekabentuk kualitatif (merangkumi temubual berstruktur dan pemerhatian turut serta). Kajian mendapati wanita di selatan Nigeria terlibat aktif dalam aktiviti ekonomi. Apabila wanita diberikan pinjaman dalam bentuk mikro kredit, penglibatan mereka dalam proses pengeluaran dan pemasaran barangan turut meningkat. Kajian turut menunjukkan wanita mempunyai kawalan ke atas pinjaman mereka. Walau bagaimanapun, penglibatan luas dalam aktiviti

ekonomi telah menyebabkan peningkatan tanggungjawab dari sudut kewangan mereka tetapi pembuatan keputusan masih lagi dimiliki sepenuhnya oleh ketua keluarga di pihak lelaki.

Penutup

Dapat disimpulkan bahawa sehingga ke hari ini, telah banyak usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak iaitu yang merangkumi agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam meningkatkan pengupayaan wanita. Dasar Wanita Negara (1989 dan 2009) bertujuan membangunkan modal insan dalam kalangan wanita bagi membolehkan mereka berfungsi dengan lebih berkesan dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup mereka dan keluarga. Tindakan yang dijemakan dalam bentuk program-program kemahiran misalnya, dilakukan selaras dengan usaha bagi mencapai matlamat yang disasarkan dalam dasar tersebut iaitu untuk memperkasakan wanita Malaysia dan menjamin perkongsian saksama antara golongan lelaki dan wanita. Pelbagai strategi telah dibentuk untuk mencapai matlamat ini dan ianya telah digariskan secara terperinci dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Pelbagai pihak telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam melaksanakan program-program bagi meningkatkan pengetahuan, kepekaan dan kesedaran berkaitan dengan isu-isu wanita. Menyedari hakikat bahawa wanita adalah merupakan golongan yang lebih berisiko terdedah dengan masalah seperti kemiskinan dan halangan-halangan untuk terlibat dalam sektor pekerjaan seperti kekurangan kemahiran dan urusan rumahtangga telah membawa kepada pelaksanaan program-program seperti I-KIT dan Jejari Bestari oleh Jabatan Pembangunan Wanita. Program-program ini dirancang untuk memperkasa wanita dan memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri secara lebih aktif dalam aktiviti yang mampu menjana pendapatan yang lebih baik. Usaha ini walau bagaimanapun tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama padu oleh pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia.

Rujukan

- Abd Jalil Borhan & Munira Abdul Raak. (2013). Women as the catalyst of human capital development. *The Journal of Social Sciences*, 16(1), 29-45.
- Ahmad, Q. K. (ed.) (2007). *Socio-economic and indebtedness-related impact of micro-credit in Bangladesh*. Dhaka: The University Press Limited.
- Amran Daud (2004). *Faktor-faktor yang mendorong usahawan wanita berniaga di Pasar Besar Tanah Merah, Kelantan*. Laporan Projek Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Amin, R., Becker, S., & Bayers, A. (1998). NGO-promoted microcredit programs and women's empowerment in rural Bangladesh: Qualitative and qualitative evidence. *The Journal of Developing Areas*, Winter, 32(2), 221-236.
- BHOnline (24 Ogos 2015). Wanita pembuat keputusan di sektor awam melebihi sasaran – Najib. Berita Semasa. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my/node/77040>
- Das, T. K. & Pula, V. (2014). Is micro credit in urban poverty making a difference? A review from Bangladesh. *International Journal of Social Work and Human Services Practice*, 2(2), 73-81.
- Diyana Isahak, Doris Padmini Selvaratnam, & Nor Aini Haji Idris. (2009). *Isu dan cabaran dalam menghadapi perubahan persekitaran global*. Prosiding Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM), Jilid 1, 324-336.
- Doris Padmini Selvaratnam, & Kaw Kit Peng (2011). Peranan wanita dalam pasaran kerja fleksibel di Malaysia: Kajian kes di sektor perkhidmatan. *Prosiding PERKEM VI*, Jilid 2 (2011), 86-101.
- Hew, C. S (2009) Globalisation and its challenges to gender mainstreaming in Malaysia. *Akademika*, 76, 123-129.
- Jabatan Pembangunan Wanita (2009). *Penglibatan wanita dalam pembangunan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pembangunan Wanita.
- Jabatan Pembangunan Wanita. (2012). *Pencapaian wanita dalam pembuatan keputusan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pembangunan Wanita.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2013). *Keganasan terhadap wanita*. Kuala Lumpur: KPWKM.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2014). *Dasar Wanita Negara*, 1989. Diakses daripada http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/17DASAR_WANITA_NEGARA.pdf.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2014). *Dasar Wanita Negara*, 2009. Diakses daripada <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/181254/dasarwanitanegara.pdf>
- Lynda Lim (n.d). *Commentary: Politicisation of gender issues in Malaysia*. Diakses daripada <http://www.cpps.org.my/images/articles/Commentary%20on%20the%20Politicisation%20of%20Gender%20Issues%20in%20Malaysia.pdf>.
- Noor Rahamah Hj Abu Bakar (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(7), 155-162.
- Nwanesi, P. K., (2006). *Development, micro-credit and women's empowerment: A case study of market and rural women in Southern Nigeria* (Unpublished doctoral dissertation). University of Canterbury.
- Olivares, M., & Santos, S. (2009). *Market solutions in poverty: The role of microcredit in development countries with financial restrictions*. Working Papers. Technical University of Lisbon: School of Economic and Management.

- Pitt, M., Khandker, S., & Cartwright, J. (2006). Empowering women with micro finance: Evidence from Bangladesh. *Economic Development and Cultural Change*, 54, 91-831
- Pragalatah, K. (2012). *More fund needed to fight domestic violence*. Diakses daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/09/12/more-funds-needed-to-fight-domestic-violence/>
- Rahman, R. I. (2000). *Poverty alleviation and empowerment through microfinance: Two decades of experiences in Bangladesh*. Research Monograph 20, Bangladesh Institute of Development Studies.
- Reilly, P. A. (1998). Introduction: Flexibility for the individual, organization and society. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 7(1), 1-6.
- Reza, M. H. (2003). When culture trumps ideology: Micro-enterprise and the empowerment of women in Bangladesh. *Canadian Journal of Development Studies*, 24(3), 440-41.
- Rohayu Roddin, Noor Sharipah Sultan Sidi, Yusmarwati Yusof, Maziana Mohamed dan Abdul Rasid Abul Razzaq. (2011). Poverty alleviation among single mother in Malaysia: Building entrepreneurship capacity. *International Journal of Business and Social Science*, 2(17), 92-99.
- Rohayu Roddin, Marina Ibrahim Mukhtar, Ahmad Esa, Sarebah Warman, Maziana Mohamed, Anizam Mohamed Yusof, & Azmanirah Ab Rahman. (2010). *Pendidikan kemahiran keusahawanan dalam kalangan wanita ketua isi rumah luar bandar*. Diakses daripada http://eprints.uthm.edu.my/444/1/Rohayu_Roddin%28Dekan2010%29.pdf.
- The Star. (2015, June 16). *Single mother, redefine*, p. 8.
- Thuaibah @ Suaibah Abu Bakar, Azlah Md Ali, Hishamuddin Md Som, Rozeyta Omar, Shahrizatul Noorizwan Mokhtar, & Rossilah Jamil (2004). *Aktiviti keusahawanan ibu tunggal di Johor*. Diakses daripada http://www.academia.edu/1036501/Aktiviti_Keusahawanan_Di_Kalangan_Ibu_Tunggal_Di_Johor.
- Unit Perancang Ekonomi. (2006). *Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (2006-2010)* Diakses daripada <http://www.epu.gov.my/ninth-malaysia-plan-2006-2010>.
- Unit Perancang Ekonomi. (2011). *Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (2011-2015)*. Diakses daripada <http://www.epu.gov.my/tenth-malaysia-plan-10th-mp-> .
- Women's Aid Organization (WAO). (2013). *Annual Review*. Petaling Jaya: WAO. UNDP Country Programme for Malaysia 2013-2015. Diakses daripada <http://www.asia-pacific.undp.org/content/dam/rbap/docs/programmdocuments/MY-CP-2013-2015.pdf>.
- Women's Centre for Change Penang. (2015). *WCC Penang – Protecting our children*. Diakses daripada <http://wccpenang.org/protecting-our-children/>

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. (2012). *Laporan Tahunan 2011*. Diakses daripada <http://www.ypkdt.org.my/ypkbm/images/document/2011PROJEKSOSIAL.pdf>

Zanalisa Mgt Mat Isa. (2012). *Keberkesanan perlaksanaan program latihan kemahiran (I-KIT) terhadap ibu tunggal di JPW Negeri Johor* (tesis Sarjana). Diakses daripada <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/pdffail/ptkghdfwP/ZANALISAAP073175D2012TTP.pdf>.